

20 MAY 2001

Pandikar-Akar

SAYA UMPAMA PEMAIN BOLA SEPAK, KATA PANDIKAR

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Bekas Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Datuk Pandikar Amin Mulia mengibaratkan dirinya sebagai pemain bola sepak yang bersedia diletakkan di mana-mana posisi dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan Umno mengenai peranan beliau selepas ini.

"Saya ibarat pemain bola sepak dalam Liga Perdana...jika diminta untuk bermain di barisan penyerang, maka menyeranglah saya, jika diberi peranan bermain di barisan pertahanan, maka bertahanlah saya," katanya semasa berucap perhimpunan khas Akar di sini, hari ini.

Perhimpunan itu, yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan parti berusia 12 tahun itu dibubarkan dengan semua anggotanya menyertai Umno secara beramai-ramai.

Pandikar, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata beliau akur dengan apa pun keputusan dan berjanji akan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebaik mungkin.

Beliau turut menjelaskan mengapa keputusan membubarkan Akar dibuat.

"Dalam hal ini, mungkin ada juga yang beranggapan bahawa tindakan kita adalah perbuatan bodoh dan kesilapan besar yang tidak berperhitungan dan tidak berwawasan.

"Malah, tidak mustahil juga ada pihak yang akan mengatakan kita adalah 'katak' terbesar di antara katak-katak yang pernah melompat di bumi Sabah ini," katanya merujuk kepada "lompat-melompat parti" yang sering berlaku dalam sejarah politik negeri ini.

Pandikar berkata pembubaran Akar sebenarnya bertujuan menyahut seruan Dr Mahathir yang sangat mementingkan perpaduan, yang dibuktikan dengan kesanggupan beliau untuk berbincang dengan pembangkang berhubung perpaduan Melayu.

"Laungan perpaduan yang menjadi hasrat dan diperjuangkan oleh Perdana Menteri perlu direalisasikan. Justeru, Akar membuka langkah menyahut cabaran itu dengan penuh keikhlasan dengan membubarkan parti dan memohon menyertai Umno untuk mengukuhkan perpaduan," katanya.

Menurutnya Umno menjadi pilihan kerana ia adalah parti terbesar dan paling berjaya di negara ini.

"Sebagai presiden parti saya memberi kebebasan sepenuhnya kepada anggota-anggota dan pemimpin Akar untuk memilih parti komponen Barisan Nasional mana yang sesuai untuk mereka," katanya.

Pandikar berkata Akar menghadapi pelbagai cabaran sejak ditubuhkan pada September 1989 termasuk krisis dalaman yang hampir menyaksikan parti itu diharamkan pendaftarannya.

"Kalau berbicara tentang soal kalah dalam pilihan raya, berbanding dengan parti-parti lain dalam komponen BN, Akar menduduki tangga pertama," katanya merujuk kepada kemampuan parti itu memenangi hanya satu kerusi Dewan Undangan Negeri sepanjang kewujudannya melalui Pandikar di kawasan Tempasuk pada 1994.

Bagaimanapun, katanya Akar tetap dapat berbangga kerana selaku parti komponen BN yang tertua, parti itu adalah antara parti komponen di Sabah yang mula-mula menentang Parti Bersatu Sabah (PBS).

-- BERNAMA

JS NAK